



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA (PKPMP)

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam pengkhususan seperti dibawah bagi menyertai sebut harga berikut:

BIL.	NO. / TAJUK SEBUT HARGA	KELAS PENDAFTARAN	TARIKH TAKLIMAT	TARIKH LAWATAN TAPAK DAN AMBIL DOKUMEN	TARIKH, MASA DAN TEMPAT TUTUP PELAWAAN
1.	PKPMP.(S).400-5/6/83 (SH.25/2024) Kerja-Kerja Operasi Dan Penyelenggaraan Secara Komprehensif Di Kediaman Rasmi YAA Presiden Mahkamah Rayuan dan YAA Hakim Besar Malaya, Presint 16, Putrajaya Bagi Tempoh Dua (2) Tahun	Berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) Gred G3 Kategori B dan ME, Pengkhususan B24 dan M15 atau E11	24 Oktober 2024 (Khamis) Jam 10.00 pagi Pendaftaran 9.00 pagi – 10.00 pagi Taklimat 10.00 pagi (Syarikat diwajibkan hadir) Bertempat di: Bilik Mesyuarat Utama, Aras 2, Mahkamah Persekutuan Malaysia, Istana Kehakiman, Presint 3, 62506 PUTRAJAYA	24 Oktober 2024 (Khamis) Jam 11.30 pagi Bertempat di: No. 10 Jalan P16/A, Presint 16, 62150 PUTRAJAYA Sebarang pertanyaan boleh dibuat melalui telefon: 03-8880 3819 03-8880 3881 03-8880 3832	4 November 2024 (Isnin) Jam 12.00 tengahari Serahan Dokumen di: Kaunter Setempat Aras 1, Mahkamah Persekutuan Malaysia, Istana Kehakiman Presint 3, 62506 PUTRAJAYA

- Paparan iklan boleh dilihat di **Portal Rasmi Pejabat Ketua Pendaftar** pada **21 Oktober 2024 (Isnin) jam 12.00 tengahari**.
- Syarikat **diwajibkan menghadiri taklimat** bertempat di **Bilik Mesyuarat Utama, Aras 2, Mahkamah Persekutuan Malaysia, Istana Kehakiman, Presint 3, 62506 Putrajaya** dan **lawatan tapak** di **No. 10 Jalan P16/A, Presint 16, 62150** pada **24 Oktober 2024 (Khamis)**.
- Hanya penama seperti mana tercatat** di dalam Sijil Akaan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan, Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil PUKONSA, Sijil UPKJ **boleh menghadiri taklimat dan lawatan tapak**. **Syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai lain**. **Sila bawa bersama sijil asal dan salinan PPK dan SPKK** semasa pendaftaran. (Salinan tidak akan dikembalikan).
- Penyebut Harga diwajibkan membawa bersama **Cop Syarikat, Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor(PPK) asal dan salinan, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) asal dan salinan serta Sijil CIDB asal dan salinan** (salinan tidak akan dikembalikan) bagi tujuan pengambilan dokumen sebutharga.
- Selain daripada penama yang tercatat di dalam sijil PPK/SPKK/CIDB, wakil syarikat hendaklah mengemukakan surat kebenaran perwakilan syarikat (asal) semasa urusan pengambilan dokumen sebutharga.
- Dokumen Sebut Harga **ASAL** yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan **Tajuk dan No. Sebut Harga** pada sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga **pada atau sebelum 4 November 2024 (Isnin) jam 12.00 tengahari**, di alamat:

**Kaunter Setempat
Aras 1, Mahkamah Persekutuan Malaysia,
Istana Kehakiman, Presint 3,
62506 PUTRAJAYA**
- Penyebut Harga yang **lewat menghantar Dokumen** Sebut Harga **ASAL** seperti mana arahan Sebut Harga **tidak akan dipertimbangkan**.
- Kerajaan Malaysia tidak terikat untuk menerima Sebut Harga dengan harga yang terendah atau mana-mana Sebut Harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebut Harga. Keputusan Lembaga Perolehan adalah muktamad.